

Dr Mahathir makin baik, jalani fisioterapi

BH- 17/5/2007

KUALA LUMPUR: Keadaan Tun Dr Mahathir Mohamad yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN), kelmarin, semakin baik dan terus menunjukkan perkembangan positif terhadap rawatan yang diberikan.

Dr Mahathir bersarapan pagi dengan isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, pagi semalam kini menjalani pemeriksaan rutin dan fisioterapi dada.

“Doktor yang merawat beliau juga gembira dengan perkembangan positif ditunjukkan beliau terhadap rawatan yang diberi-

kan,” menurut kenyataan yang dikeluarkan IJN di sini, semalam.

Katanya, Dr Mahathir akan terus berada di Unit Rawatan Kardiak (CCU) untuk pemantauan dan rawatan berterusan.

“Doktor juga menasihatkan beliau supaya tidak menerima pelawat kecuali keluarga terdekat,” katanya.

Ahad lalu, bekas Perdana Menteri itu dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Langkawi, selepas mengadu sesak nafas sebelum dipindahkan ke IJN kelmarin menggunakan pesawat khas.

Kali terakhir Dr Mahathir dimasukkan ke IJN ialah pada 11 Februari lalu selepas mengadu kurang sihat, bagaimanapun dipindahkan ke wad biasa selepas didapati hanya mengalami jangkitan selesema.

Pada 9 November lalu, Dr Mahathir dimasukkan ke IJN kerana serangan jantung ringan dan dibenarkan keluar hospital selepas dirawat selama lima hari.

“Doktor menasihatkan Dr Mahathir supaya tidak menerima pelawat kecuali keluarga terdekat”

Kenyataan IJN